

pencak
Kursus silat
BALAI Rakyat Ghim Moh
akan menganjurkan kursus
silat mulai Januari ini.
Kelas-kelas akan dijalankan
tiap Khamis antara
7.30 dengan 9.30 malam.
Keterangan lanjut boleh
didapati dari setiausaha
pengelola melalui telefon
661200.

Sebab2 diadakan bahagian baru dlm Pesta Silat...

18 DEC 1979

pencak silat
PERSEKUTUAN Silat Singa-
pura (Persisi) berharap lebih
ramai wanita muda akan me-
nyertai Pesta Silat Kebangsaan
yang dianjurkannya dan sebagai
langkah pertama akan menga-
dakan bahagian khas bagi mere-
ka.

Setiausaha agung Persisi, Encik
Johari Uriif, menerangkan bahawa
mereka mengadakan bahagian
Srikandi Muda dengan matlamat
tersebut.

Pendekar

"Sejaah ini, pesilat-pesilat wanita
yang muda terpaksa bertanding
dalam satu bahagian saja. Oleh itu,
ini tidaklah adil. Untuk memberi-
kan peluang yang baik untuk mere-
ka menunjukkan kebolehan, kami
telah memutuskan mengadakan

pertandingan bahagian baru untuk
mereka."

Dengan keputusan itulah maka
ramai wanita telah membuat
permohonan untuk menyertai per-
tandingan Pesta Silat Kebangsaan
yang akan berlangsung di Pang-
gung Negara pada 30 dan 31 Disem-
ber ini mulai 7.30 malam.

Pertandingan bahagian wanita
yang baru itu adalah untuk mereka
yang berusia bawah 15 tahun.

Lain-lain bahagian yang akan
dipertanding dalam pesta dua
malam itu ialah Srikandi dan untuk
bahagian lelaki ialah Tunas Pendekar,
Pendekar Muda dan Pendekar.

Sepuluh buah badan kerabat
akan mengambil bahagian dalam
pertandingan merebutkan piala
pusingan Haji Ya'acob Mohamad.
Pesta ini akan dirasmikan oleh
Encik Sidek Saniff, Timbalan Yang
Dipertua Persisi.

Silat-silat yang akan dipertanding-
ing dalam pesta ia ialah Si Pitung
Gestapis, Kuntau Melaka, Harimau
Cekak, Seni Gayung Perwanit, Seni
Gayung Pasak, Kuningan dan
Banyuwangi. Silat Cekak akan
mempersembahkan gelarannya.

Pengadilan akan dilakukan
berdasarkan kepada pakai-
pesilat-pesilat dan persembahan
mereka, mutu kesenian dari sila
mereka dan kecerdasan.

Demonstrasi

Sebagai acara selingan, satu
demonstrasi dari wakil-wakil Ikatan
Pencak Silat Indonesia cawangai
Tajung Pinang akan diadakan
dalam pesta itu.

Tiket-tiket untuk menonton ber-
harga \$1, \$2, dan \$3 boleh didapat
dari pegawai-pegawai Persisi dan
kerabat dan juga dari ibupejabat
Persisi di 3 Jalan Penggaga.